

24/10/2001

Agenda politik peralat Islam mesti dihenti

SEMUA pihak perlu menghentikan segera agenda politik yang menggunakan Islam bagi mengelak perpecahan di kalangan umatnya.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata, soal politik yang menggunakan Islam, termasuk mempolitikkan isu konteks negara Islam, harus dihentikan kerana banyak lagi perkara besar yang harus diberi perhatian.

"Banyak lagi gambaran besar yang harus kita tentangi tetapi memerlukan perpaduan. Mengapakah apabila kita dituntut untuk berpadu, kita memilih untuk berpecah," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Mengenai kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor bahawa parti itu sedang menyediakan kerangka negara Islam mengikut wawasan parti itu yang akan disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi, Ruhanie berharap memorandum itu disampaikan secepat mungkin.

"Kita cari sama ada berlaku persamaan atau tidak antara konsep negara Islam yang didokong Umno Barisan Nasional (BN) dengan konsep negara Islam yang cuba diketengahkan Pas.

"Saya minta perkara ini tak usah dipanjang-panjangkan kerana orang Islam di seluruh dunia sekarang berada di satu persimpangan dan berhadapan satu dilema, khususnya selepas apa yang berlaku di Amerika Syarikat atau serangan yang dilancarkan di Afghanistan," katanya.

Menyentuh perkembangan di Afghanistan, Ruhanie berharap kerajaan Malaysia memainkan peranan penting bagi mempengaruhi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Komanwel supaya mengarahkan kuasa barat menghentikan serangan terhadap Afghanistan.

"Saya yakin Malaysia mampu memainkan peranan ini. Presiden Amerika mahu berbaik-baik dengan Malaysia dan Perdana Menteri Britain meminta nasihat dari negara ini.

"Presiden Iran juga mengharapkan Malaysia memberikan arah kepimpinan di kalangan dunia Islam untuk menangani isu itu," katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga perlu meminta PBB segera mengadakan sidang khasnya bagi mengenal pasti punca sebenar yang mendorong kebangkitan penganas antarabangsa.

(END)